

60 rasai pengalaman bertani

» *Berpeluang praktik ilmu, teori yang diperoleh di dewan kuliah*

Oleh Suzaini Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Selangor

Lebih 60 pelajar tahun akhir Ijazah Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Serdang menyertai lawatan sambil belajar program pembangunan masyarakat, di sini.

Diselenggarakan oleh FAMA Kuala Selangor, tiga lokasi dipilih untuk lawatan iaitu ladang tanaman kacang panjang dan timun, pusat memproses makanan FAMA dan kilang memproses serta mengetin ikan keli.

Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Profesor Dr Maimunah Ismail, berkata lawatan itu memberi pendedahan baru kepada pelajar terbabit yang kebanyakannya tidak mempunyai latar belakang berkaitan pertanian.

Pengalaman praktikal

“Menerusi lawatan ini, pelajar mendapat pengalaman berada di ladang dan pusat memproses makanan kerana sebelum ini mereka hanya mempelajarinya secara teori di dewan kuliah.

“Kursus yang mereka ambil memerlukan mereka mendekati masyarakat bagi meningkatkan sosio ekonomi penduduk, selain memupuk pelajar mengenai konsep pertanian adalah satu perniagaan,” katanya.

Lawatan itu juga membolehkan pelajar mempelajari fungsi FAMA sebagai agensi pemasaran dan bekalan produk berasaskan pertanian, selain meninjau proses pembuatan bubur nasi, produk terbaru keluaran FAMA.

Sementara itu, peserta, Albaniyah Basri, 22, berkata beliau mempelajari banyak perkara sepanjang lawatan kerana dapat ‘turun padang’ mempelajari teknik memetik kacang panjang,

yang sebelum ini belum pernah dilakukannya.

“Saya dapat mempelajari bagaimana bidang pertanian dapat menjana pendapatan dan bagaimana pula ia dipasarkan.

“Saya juga dapat mendekati diri dengan petani kerana selama ini kami hanya membeli produk pertanian di pasar dan tidak tahu bagaimana ia dikeluarkan,” kata pelajar yang berasal dari Banting itu.

“Kursus yang mereka ambil memerlukan mereka mendekati masyarakat bagi meningkatkan sosio ekonomi penduduk, selain memupuk pelajar mengenai konsep pertanian adalah satu perniagaan”

Maimunah Ismail,
Pensyarah Fakulti
Pengajian Pendidikan



Penuntut tahun akhir Ijazah Pengurusan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, **mendengar taklimat** pada program lawatan sambil belajar yang mereka sertai, baru-baru ini.

Tingkat kesedaran

Bagi Razman Mat Ali, 24, lawatan berkenaan menyedarkan mereka mengenai kerja rumit yang terpaksa dilakukan petani dan pekerja di kilang memproses makanan.

“Kami kini sedar bahawa pemodenan pertanian dan kaedah pemasaran yang berkesan mampu menjana pendapatan tinggi. Bidang pertanian juga memerlukan pekerja yang mahir bagi menghasilkan produk berkualiti,” katanya.

Hadir sama, Pegawai FAMA Daerah Kuala Selangor, Mohd Nazam Hussin; Pegawai Pusat Memproses Makanan FAMA Kuala Selangor, Moin Abd Wahid dan pegawai khas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohd Khir Ramli.

[FOTO SUZAINI SULAIMAN/ BH]